

134

SOALAN NO: 363

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: YB DATO' HAJAH NORMALA BINTI ABDUL
SAMAD

SOALAN:

Dato' Hajah Normala Binti Abdul Samad [Pasir Gudang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah yang diambil oleh pihak Kementerian bagi mengatasi isu had gaji siling yang ditetapkan oleh segelintir majikan yang menjadi punca sikap sambil lewa pekerja dan akhirnya membawa kepada kurangnya produktiviti pekerja.

PR-1361-T02161

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia sentiasa mengalakkan majikan dan kesatuan berunding dalam penetapan skala gaji termasuk golongan pekerja yang telah mencapai had gaji siling terutamanya ketika proses perundingan perjanjian kolektif. Sekiranya perjanjian kolektif yang telah diperakui oleh Mahkamah Perusahaan tidak dipatuhi, pihak yang terikat dengan perjanjian tersebut boleh membuat aduan secara bertulis kepada Mahkamah Perusahaan di bawah Seksyen 56, Akta Perhubungan Perusahaan 1967 (Akta 177).
2. Selain daripada gaji asas, Jabatan juga menggalakkan majikan melaksanakan Sistem Upah Yang Dikaitkan Dengan Produktiviti (PLWS) sebagai salah satu mekanisme untuk meningkatkan pendapatan melalui peningkatan produktiviti pekerja.
3. PLWS merupakan satu sistem yang mewujudkan hubungan yang lebih rapat di antara upah dan produktiviti atau prestasi pekerja atau syarikat. Pelaksanaan sistem ini dapat memastikan sebarang kenaikan upah selaras dengan peningkatan produktiviti atau prestasi yang lebih tinggi. Sistem ini juga membolehkan pekerja-pekerja

136

mendapat upah yang adil hasil daripada peningkatan produktiviti dan prestasi mereka.

4. Dengan melaksanakan PLWS, walaupun seseorang pekerja telah mencapai had gaji siling, mereka masih boleh menikmati pendapatan yang lebih tinggi sekiranya mempamerkan prestasi yang baik serta meningkatkan produktiviti syarikat.